

KENYATAAN TAWARAN



MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM
(SEKOLAH LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH)

TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM DI BAWAH LEMBAGA PENGURUSAN MAAHAD DINI SULTAN ABDUL HALIM

1. Tender ini adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang menjalankan operasi di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat yang membayar zakat perniagaan/ pendapatan dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang Bekalan/ Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Tempoh kontrak ini adalah selama 2 tahun dan pelanjutan maksimum 1 tahun tertakluk kepada prestasi dan sokongan pentadbir kontrak sekolah.
3. Bagi membekal makanan bermasak di Asrama Maahad Dini Sultan Abdul Halim dengan bilangan pelajar seramai 165 pelajar bagi tahun 2019 dan 265 pelajar bagi tahun 2020 tempoh kontrak ini adalah selama 2 tahun bermula 01 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020 dan pelanjutan maksimum 1 tahun 365 pelajar sehingga 31 Disember 2021 tertakluk kepada prestasi dan sokongan pentadbir kontrak sekolah.
4. Tender ini adalah bagi Asrama Maahad Dini Sultan Abdul Halim seperti Jadual di bawah:

Maklumat Tender

NO. KOD TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
MD.ASR.400-10/3/1	Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Ke Asrama Maahad Dini Sultan Abdul Halim Di Bawah Lembaga Pengurusan Maahad Dini Sultan Abdul Halim	Kod Bidang: 040103 (wajib mempunyai semua kod bidang di atas)	RM 300.00 (Tunai) Dokumen Meja Tender boleh dirujuk 19/11/2018 (Sehari Sahaja)	19/11/2018 11.00 Pagi Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, Lot 1306, Jalan Suka Menanti, Mukim Pumppong, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman (diwajibkan hadir)	05/12/2018 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan dan Penghantaran Tawaran

Maahad Dini Sultan Abdul Halim Lot 1306, Jalan Suka Menanti, Mukim Pumppong, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari & 2.30 petang - 4.30 petang Khamis: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari & 2.00 petang - 3.00 petang

Tarikh Dijual:
19/11/2018 (Sehari Sahaja)

5. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
6. Kehadiran bagi taklimat tender dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen tender hanya akan dijual kepada pembekal yang hadir semasa taklimat tersebut.
7. Pembekal dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM)**, **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM)** dan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih berkuatkuasa berserta satu **SALINAN FOTOSTAT** semasa membeli dokumen. Hanya pemilik/ penama di dalam KKM sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat dan lawatan tapak. Wakil selain pemilik/ penama di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
8. Dokumen Tender akan dijual kepada pembekal yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih berkuatkuasa.
9. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman Facebook **Maahad Dini Sultan Abdul Halim Original** atau laman web Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman <http://www.zakatkedah.com.my> dan di Akhbar Tempatan pada 15/11/2018.
10. Dokumen Tawaran Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
11. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai sebut harga tersebut boleh menghubungi talian 04-7001071.
12. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
 - a. Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; atau
 - b. Petender **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; atau
 - c. Petender **GAGAL** menghadiri taklimat tender.
13. Antara **KRITERIA UTAMA** yang akan diberi pertimbangan adalah petender-petender seperti berikut:
 - a. Petender mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan dan boleh menampung kos operasi bersamaan tiga (3) bulan tuntutan bulanan kontrak; dan
 - b. Keutamaan diberi kepada petender berpengalaman dalam penyediaan makanan di asrama dan berprestasi baik.
14. Lembaga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
15. Keputusan tender ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.